

12 JUL 1997

Ting - Semai

PROGRAM SEMAI INDAH DILANCAR HARI INI

PENKALAN HULU, 12 Julai (Bernama) -- Kempen menanam pokok yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Februari lalu diperluaskan ke kawasan luar bandar menerusi program Semai Indah yang dilancarkan hari ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, kerajaan menetapkan kumpulan di bawah Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di luar bandar sebagai golongan sasaran program semai indah itu.

Sebanyak 600 peserta PPRT dari seluruh negara akan diberi bantuan anak pokok itu secara percuma bagi menjayakan kempen berkenaan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Semai Indah di sini hari ini.

Katanya, program Semai Indah yang dikendalikan Jabatan Lanskap Negara bertujuan membantu meningkatkan pendapatan mereka serta sebagai program tambahan yang dikendalikan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Program berkenaan yang berupa sokongan kepada program Penghijauan Negara dan program Tapak Semai Negara bertujuan bagi mengeluarkan bahan tanaman untuk digunakan di bawah program Lanskap Negara terutama lanskap di luar bandar, katanya.

Kerajaan memperuntukkan RM2 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi program Semai Indah itu.

Beliau berkata, setiap peserta yang menyertai program itu akan menerima 300 benih pokok utama dan 500 pokok renek.

Peserta hanya bertanggungjawab menjaga anak pokok yang diberikan sehingga besar dan berusia tiga tahun sehingga boleh dijual semula sama ada kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau swasta, katanya.

Program berkenaan dijangka menghasilkan stok tanaman sebanyak 180 ribu pokok utama serta 7.5 juta pokok renek dalam masa tiga tahun, katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali yang juga anggota Parlimen Gerik dan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Omar Abu. -- BERNAMA

RZS FAZ